



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 05 Ogos 2024.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Report child abuse to cops, not post on social media, says minister</b> <a href="https://www.thevibes.com/articles/news/103001/report-child-abuse-to-cops-not-post-on-social-media-says-minister">https://www.thevibes.com/articles/news/103001/report-child-abuse-to-cops-not-post-on-social-media-says-minister</a>	The Vibes	Neutral
2.	<b>Nancy santuni lima individu kurang bernasib baik di bawah Program Ziarah Kasih</b> <a href="https://suarasarawak.my/nancy-santuni-lima-individu-kurang-bernasib-baik-di-bawah-program-ziarah-kasih/#google_vignette">https://suarasarawak.my/nancy-santuni-lima-individu-kurang-bernasib-baik-di-bawah-program-ziarah-kasih/#google_vignette</a>	Suara Sarawak	Neutral
3.	<b>Pengasuh taska perlu jalani kursus susulan: Noraini</b> <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-susulan-noraini">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-susulan-noraini</a> <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/05/childmin-ders-urged-to-upgrade-skills-to-prevent-abuse">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/05/childmin-ders-urged-to-upgrade-skills-to-prevent-abuse</a> <a href="https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2325310">https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2325310</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1118764/1080-taska-tunggu-kelulusan-untuk-beroperasi">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1118764/1080-taska-tunggu-kelulusan-untuk-beroperasi</a> <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1280324/1080-permohonan-taska-masih-menunggu-kelulusan#google_vignette">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1280324/1080-permohonan-taska-masih-menunggu-kelulusan#google_vignette</a>	Utusan Borneo The Star Bernama Harian Metro Berita Harian	Neutral

	<p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2325305">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2325305</a></p> <p><a href="https://majoriti.com.my/berita/2024/08/04/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-tambahan-elak-dera-cuai-jaga-anak-anak-asuhan---noraini">https://majoriti.com.my/berita/2024/08/04/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-tambahan-elak-dera-cuai-jaga-anak-anak-asuhan---noraini</a></p> <p><a href="https://api.nst.com.my/news/nation/2024/08/1086505/1080-taska-centres-awaiting-green-light-start-operations">https://api.nst.com.my/news/nation/2024/08/1086505/1080-taska-centres-awaiting-green-light-start-operations</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/05/childmin-ders-urged-to-upgrade-skills-to-prevent-abuse">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/05/childmin-ders-urged-to-upgrade-skills-to-prevent-abuse</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-susunan/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-taska-perlu-jalani-kursus-susunan/#google_vignette</a></p>	<p>Bernama</p> <p>Majoriti</p> <p>NST</p> <p>The Star</p> <p>Buletin TV3</p>	
4.	<p><b>Suspek culik Albertine Leo ditangkap semula</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678471/berita/semasa/suspek-culik-albertine-leo-ditangkap-semula">https://www.sinarharian.com.my/article/678471/berita/semasa/suspek-culik-albertine-leo-ditangkap-semula</a></p> <p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/04/suspek-penculikan-albertine-ditahan-semula-miliki-bahan-lucah-kanak-kanak-dan-mainan-seks-di-rumah">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/08/04/suspek-penculikan-albertine-ditahan-semula-miliki-bahan-lucah-kanak-kanak-dan-mainan-seks-di-rumah</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/04/penculik-albertine-ditahan-semula-miliki-bahan-tak-senonoh-kanak-kanak/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/04/penculik-albertine-ditahan-semula-miliki-bahan-tak-senonoh-kanak-kanak/#google_vignette</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>MStar</p> <p>Kosmo</p>	Neutral
5.	<p><b>Keluarga mangsa rumah dirempuh treler diberi kauseling - JKM Pahang</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/12/80592/keluarga-mangsa-rumah-dirempuh-treler-diberi-kauseling-jkm-pahang">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/12/80592/keluarga-mangsa-rumah-dirempuh-treler-diberi-kauseling-jkm-pahang</a></p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral
6.	<p><b>Pemandu lori mengaku rogol anak angkat, tak mahu ikat jamin</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1118687/pemandu-lori-mengaku-rogol-anak-angkat-tak-mahu-ikat-jamin">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1118687/pemandu-lori-mengaku-rogol-anak-angkat-tak-mahu-ikat-jamin</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

7.	<p><b>Wanita kerugian RM6,000 dipukau di klinik kesihatan</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-kerugian-rm6000-dipukau-di-klinik-kesihatan-482082">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-kerugian-rm6000-dipukau-di-klinik-kesihatan-482082</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119011/ranta-i-dikebas-ketika-di-klinik-warga-emas-rugi-rm6000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119011/ranta-i-dikebas-ketika-di-klinik-warga-emas-rugi-rm6000</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
8.	<p><b>Wanita perlu rebut peluang disediakan KUSKOP</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/wanita-perlu-rebut-peluang-disediakan-kuskop">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/wanita-perlu-rebut-peluang-disediakan-kuskop</a></p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
9.	<p><b>Warga emas mengadu kembung, sakit perut mungkin hidap kanser</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/sihat/2024/08/1280240/warga-emas-mengadu-kembung-sakit-perut-mungkin-hidap-kanser">https://www.bharian.com.my/sihat/2024/08/1280240/warga-emas-mengadu-kembung-sakit-perut-mungkin-hidap-kanser</a></p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral
10.	<p><b>Salah tanggapan terhadap pusat jagaan warga emas</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/salah-tanggapan-terhadap-pusat-jagaan-warga-emas">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/salah-tanggapan-terhadap-pusat-jagaan-warga-emas</a></p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
11.	<p><b>Wanita terkejut peniaga disangka OKU heret kerusi roda sendiri, kecewa ditipu hidup-hidup</b></p> <p><a href="https://www.malysiadateline.com/peniaga-disangka-oku-rupanya-sempurna-sifat-wanita-kecewa-duit-melayang-ditipu-hidup-hidup/">https://www.malysiadateline.com/peniaga-disangka-oku-rupanya-sempurna-sifat-wanita-kecewa-duit-melayang-ditipu-hidup-hidup/</a></p>	<p>Malaysia Dateline</p>	Neutral
12.	<p><b>Tubuh VAD dalam kalangan warga emas</b></p> <p><a href="https://www.tvsarawak.my/2024/08/04/tubuh-vad-dalam-kalangan-warga-emas/">https://www.tvsarawak.my/2024/08/04/tubuh-vad-dalam-kalangan-warga-emas/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/unit-khas-sukarelawan-warga-emas-bakal-ditubuhkan-lee">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/04/unit-khas-sukarelawan-warga-emas-bakal-ditubuhkan-lee</a></p>	<p>TV Sarawak</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

13.	Tiba masa perkenal polisi mesra warga emas, kata pakar  <a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/486265">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/486265</a>	The Malaysian Insight	Neutral
-----	---	-----------------------	---------

UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my f @kpwkm kpwkmchannel



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## REPORT CHILD ABUSE TO COPS, NOT POST ON SOCIAL MEDIA, SAYS MINISTER



Datuk Seri Nancy Shukri says members of the public who witness child abuse and film these abuses must give this evidence immediately to the police. – The Vibes file pic, August 4, 2024.

MEMBERS of the public who witness child abuse and film these abuses must give this evidence immediately to the police, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The minister for women, family and community development said they should contact 999 and Talian Kasih 15999, which is run by the ministry.

“The immediate thing that the public must do when they see child abuse happening

is not to react using social media.

“They must immediately call the police and Talian Kasih.

“Their swift response is crucial in getting help for victims of abuse.

“We must not think that social media is the first priority,” she said.

Speaking when launching the Love for Children campaign organised by SMK Agama Sibu and her ministry in Sibu town in central Sarawak, she said her ministry is doing more publicity on prevention of child abuses as these cases may be widespread.

“We are bringing these campaigns into the school levels too,” she said.

The campaign aims to educate parents, teachers and the public in general on the need to care for and love our young ones.

It also educates them to identify signs of abuse and to get swift help for victims.

SMK Agama Sibu is the first school in Sibu town to hold the awareness talks.

The campaign will extend to more schools in Sarawak. – August 4, 2024.

## **NANCY SANTUNI LIMA INDIVIDU KURANG BERNASIB BAIK DI BAWAH PROGRAM ZIARAH KASIH**



**SIBU:** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri semalam menyantuni lima individu yang kurang bernasib baik di sini.

Beliau berkata kunjungannya ke kediaman lima individu tersebut adalah sebahagian daripada Program Ziarah Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).



Program tersebut merupakan sebahagian daripada Kembara Kasih 2024.

“Pagi tadi, lawatan saya adalah ke kampung-kampung sekitar Sibu bagi menyantuni dan menghulurkan bantuan kepada kumpulan sasar kementerian yang berada di kawasan ini,” katanya kepada media.

Ahli Parlimen Santubong itu memberitahu, tujuan ziarah itu adalah untuk memahami pelbagai latar belakang masyarakat yang menerima bantuan kebajikan serta mendengar terus daripada mereka tentang cabaran yang mereka hadapi.

Program ziarah ini, kata Nancy, membolehkan pihaknya untuk berhubung dengan pelanggan dan memahami cabaran yang dihadapi bukan sahaja di kawasan bandar seperti Kuching tetapi juga di lokasi lain.

Lokasi pertama program ziarah Nancy serta rombongannya adalah di Jalan Langsung di sini untuk menyantuni Anne Suduk yang merupakan pesakit terlantar.

Beliau menerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) di bawah JKM.

Ziarah itu disusuli kunjungan ke Kampung Hilir di mana tiga penerima Bantuan Bakul Makanan JKM tinggal, iaitu Hasnah Karim, Dayang Norhaslina Abang Fauzan dan Hasrul Abdullah.

Rombongan menteri itu turut melawat Haley Rapae di Kampung Bandong, Sibu.

Dengan semangat sebagai sebuah keluarga besar, KPWKM menyeru semua pihak untuk terus bersama-sama membantu golongan yang memerlukan bagi memastikan mereka tidak terpinggir dan dapat menjalankan kehidupan dengan lebih selesa.



### **PENGASUH TASKA PERLU JALANI KURSUS SUSULAN: NORAINI**



Noraini (tengah) bergambar bersama peserta pada perasmian penutup Hari Taska dan Hari Pengasuh Kebangsaan 2024 hari ini. - *Gambar BERNAMA*

KUALA TERENGGANU: Pengusaha taman asuhan kanak-kanak (taska) digalakkan untuk menghantar pengasuh di bawah kelolaan mereka untuk menjalani latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran dalam penjagaan bayi dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Noraini Ahmad berkata perkara itu penting dalam memastikan pengasuh berupaya menghadapi cabaran masa kini yang memerlukan pendekatan berbeza dalam pendidikan awal kanak-kanak.

“Kursus-kursus (susulan) ini memang kita galakkan untuk setiap pengasuh meningkatkan kemahiran sebab kita tahu cabaran zaman sekarang berbeza dan pendekatan berbeza harus kita gunakan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan Hari Taska dan Hari Pengasuh Kebangsaan 2024, di sini hari ini.

Beliau berkata kursus susulan itu penting bagi mengelak berlakunya kejadian yang tidak diinginkan di taska seperti penderaan, kecuaiian dan pengabaian anak-anak asuhan yang sering dilaporkan sejak akhir-akhir ini.

“Situasi ini amat membimbangkan dan menuntut perhatian serta tindakan segera kita semua. Sebagai pendidik dan penjaga, kita mempunyai tanggungjawab besar dalam membentuk masa depan kanak-kanak,” katanya.

Dalam pada itu, Noraini berkata setakat ini terdapat sebanyak 3,043 taska mendaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menggaji seramai 16,167 pengasuh, dengan bilangan bayi dan kanak-kanak asuhan seramai 70,340.

Beliau berkata kerajaan kini giat mengesan taska yang beroperasi tanpa kelulusan JKJ.

“Ada yang cuba mendaftar tetapi belum mendapat kelulusan sebab perlu kebenaran daripada tiga pihak untuk membuka taska iaitu KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), bomba dan jabatan kesihatan,” katanya. - BERNAMA

## **SUSPEK CULIK ALBERTINE LEO DITANGKAP SEMULA**



Polis membuat tangkapan semula terhadap suspek kes culik kanak-kanak perempuan enam tahun, Albertine Leo, pada Ahad. Gambar fail

JOHOR BAHRU - Polis membuat tangkapan semula terhadap suspek kes culik kanak-kanak perempuan enam tahun, Albertine Leo Jia Hui, pada Ahad.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar berkata, tangkapan semula itu dibuat bagi membantu siasatan susulan penemuan pelbagai alat mainan seks, bahan pomografi dewasa dan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Menurut beliau, kesemua alatan itu ditemui di kediaman suspek di kawasan Kulai.

"Kita membuat tangkapan semula ke atas suspek lelaki tempatan yang sebelum ini ditahan berhubung kejadian culik di kawasan Eco Galeria, Iskandar Puteri, pada 20 Julai lalu, pada hari ini.

"Siasatan akan dijalankan di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 kerana mengakses atau memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dan Seksyen 292 Kanun Keseksaan kerana memiliki bahan lucah," katanya menerusi satu kenyataan media, pada Ahad.

Menurut Kumar, suspek lelaki berusia 31 tahun itu dijangka dibawa ke mahkamah esok bagi mendapatkan perintah tahanan reman baharu.

Sebelum ini, tempoh sambungan reman suspek tamat hari ini dan suspek dibebaskan dengan jaminan polis sebelum tangkapan semula dibuat.

"Polis menasihatkan masyarakat terutamanya golongan ibu bapa supaya sentiasa memantau aktiviti, perkembangan emosi serta fizikal anak-anak supaya perlakuan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dapat dikesan lebih awal dan penjenayah dapat dibawa ke muka pengadilan.

"Masyarakat perlu cakna terhadap tren jenayah masa kini dan menyampaikan kesedaran serta kebimbangan jenayah kepada anak-anak supaya mereka lebih berhati-hati dalam pergaulan terutama di media sosial," katanya.

Pada 23 Julai lalu, suspek ditahan bersama mangsa, kira-kira jam 4.45 pagi, 23 Julai lalu, di sebuah hotel murah dekat Batang Kali, Selangor.

Suspek kemudian ditahan reman selama tujuh hari sebelum disambung enam hari lagi bagi siasatan mengikut Seksyen 365 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017.

Empat suspek lain berusia 28 hingga 55 tahun yang ditahan sebelum itu direman empat hari sehingga 26 Julai lalu, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis dan tempoh reman terhadap mereka tidak disambung. - Awani

## KELUARGA MANGSA RUMAH DIREMPUH TRELER DIBERI KAUSELING - JKM PAHANG



Kejadian lori treler merempuh rumah di Kampung Ketapang Hilir yang menyebabkan dua maut. - Foto NSTP

PEKAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang sudah menjalankan sesi kaunseling terhadap keluarga mangsa dua beradik yang maut selepas rumah dirempuh sebuah treler yang terbabas, di Kampung Ketapang Hilir, di sini kelmarin.

Dalam kejadian awal pagi kelmarin, dua adik-beradik Nurnazatul Fasiha Nasruddin, 31, yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Maran dan adiknya, Mohd Waldon Faris, 21, terkorban.

Pengarah JKM Pahang, Khairul Amri Ahmad berkata, kaunselor JKM Pahang sudah bertemu dengan keluarga mangsa pada hari kejadian dan semalam, yang diharap dapat mengembalikan semangat setiap ahli keluarga terutama ibu dan bapa mangsa.

Menurutnya, dalam keadaan sekarang ahli keluarga perlu diberi sokongan bagi mengembalikan semangat mereka selepas kehilangan dua ahli keluarga secara serentak dalam sekelip mata.

"Kelmarin saya sudah bertemu ibu dan bapa serta abang mangsa ketika pengebumian di Tanah Perkuburan Islam Kampung Ketapang Hilir.

"Turut bertemu ibu dan bapa mangsa adalah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Datuk Sabariah Saidan yang turut menyerahkan sumbangan tabung bantuan segera JKM," katanya, di sini semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff turut melawat keluarga mangsa.

Beliau berkata, Allahyarham Nurnazatul Fasiha baru berpindah ke JKM Pahang empat bulan lalu dari JKM Kelantan, namun kehilangannya sangat dirasai.

Beliau berkata, sebelum ini Allahyarham pernah bertugas di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom (RKKSHK), Kuantan secara kontrak selama empat tahun.

Khairul Amri berkata, JKM sedia membantu dari segi khidmat nasihat dan keperluan lain dalam memastikan sebarang masalah keluarga dihadapi berkenaan dapat diselesaikan.

## **WANITA KERUGIAN RM6,000 DIPUKAU DI KLINIK KESIHATAN**



*Polis meminta kerjasama orang ramai sekiranya mempunyai maklumat berkenaan suspek, untuk tampil memberi maklumat. - Foto PDRM*

**ALOR SETAR:** Seorang wanita warga emas kerugian RM6,000 apabila rantai emas miliknya lesap selepas dipukau seorang lelaki ketika menerima rawatan di sebuah Klinik Kesihatan di daerah ini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati Saad berkata, mangsa berusia 60 tahun yang datang ke klinik berkenaan bertujuan mengambil ubat telah didatangi oleh seorang lelaki tidak dikenali yang kemudiannya menawarkan rawatan tradisional kepada mangsa kira-kira jam 8 pagi.

“Sebelum itu suspek dikatakan menegur rantai leher emas mangsa kelihatan dipakai longgar dan kemudian bertindak memegang rantai mangsa untuk mengetatkannya.

“Mangsa menyatakan telah menolak tawaran tersebut, tetapi suspek tetap mendekati mangsa sebelum beredar beberapa minit selepas itu.

“Setelah mangsa selesai berurusan di klinik tersebut, mangsa mendapati rantai leher emas yang dipakai telah tiada dan menyaki rantai miliknya dibawa lari oleh suspek,” katanya ketika dihubungi Astro AWANI pada Isnin.

Siti Nor Salawati berkata, kemudian mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Kota Setar pada jam 12.20 tengah hari setelah mendakwa dirinya diperdaya oleh seorang individu tidak dikenali semasa berada di sebuah klinik kesihatan di daerah Kota Setar.

Katanya, akibat daripada kejadian ini, mangsa mengalami kerugian RM6,000. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

“Pihak polis sedang giat mengesan suspek iaitu seorang lelaki berbangsa Cina, berketinggian anggaran 5 kaki dan berusia sekitar 60an.

“Sehubungan itu polis meminta kerjasama orang ramai sekiranya mempunyai maklumat berkenaan suspek, untuk tampil memberi maklumat kepada pihak polis dengan menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar di talian 047747222 atau mana mana balai polis berhampiran,” katanya.

## **WANITA PERLU REBUT PELUANG DISEDIAKAN KUSKOP**



**KENANGAN:** Ewon bersama para peserta dalam majlis berkenaan merakamkan gambar kenangan.

**PENAMPANG:** Usahawan wanita khususnya di Sabah digesa merebut peluang daripada pelbagai inisiatif yang disediakan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Menterinya Datuk Ewon Benedick berkata, agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti Bank Rakyat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) menyediakan pembiayaan khusus untuk usahawan wanita.

“Antaranya, Skim Pembiayaan Ikhtiar oleh AIM, Skim Pembiayaan TEKUN-Wanita (TekunNita), Program Pemerksaan Usahawan Wanita di bawah INSKEN, Skim pembiayaan BRPlus-iBizLady dan Program Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET) oleh PERNAS.

“Peranan dan sumbangan usahawan wanita dalam pembangunan ekonomi negara amat penting. Sebab itu, kerajaan menyediakan pembiayaan khusus untuk usahawan wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pembangunan Usahawan Wanita Luar Bandar Sabah (USHWANE), di sini kelmarin.

Ewon mahu ahli-ahli persatuan itu mencipta kejayaan seperti usahawan-usahawan lain.

“Saya sentiasa memberi sokongan terhadap pembangunan usahawan kerana mahu melihat lebih ramai ahli-ahli persatuan mencapai kejayaan dalam perniagaan masing-masing, seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah,” katanya.

Sementara itu Pengerusi USHWANE, Rowindy Lawrence merakamkan ucapan terima kasih kepada Ewon atas sumbangan sebanyak RM50,000 bagi membantu persatuan melaksanakan pelbagai program keusahawanan.

“Melalui sumbangan ini, kami dapat melaksanakan pelbagai program seperti sulaman, kraftangan dan banyak lagi untuk manfaat ahli-ahli persatuan.

“Dari segi pemasaran pula, kami juga membantu mereka memasarkannya bukan sahaja di Sabah tetapi di Semenanjung Malaysia dengan harapan lebih ramai usahawan wanita luar bandar berjaya dalam perniagaan,” katanya.

Seorang lagi ahli persatuan, usahawan dari Kota Marudu, Suzie Salapan berharap lebih ramai usahawan wanita luar bandar menyertai persatuan ini.

“Persatuan ini banyak membantu ahli-ahlinya bukan sahaja dari segi pemasaran dan peningkatan kemahiran tetapi juga dari segi sokongan untuk mengembangkan perniagaan agar sama-sama mencipta kejayaan,” katanya.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Ewon atas sokongan berterusan kepada usahawan wanita luar bandar.

“Kisah-kisah kejayaan usahawan wanita yang Datuk (Ewon) kongsi dalam ucapan beliau amat memberikan inspirasi dan motivasi kepada kami untuk terus berusaha dan lebih gigih mengharungi pelbagai cabaran dalam perniagaan,” katanya.

Ferney Matinin, usahawan dari Kota Belud berkata, pembiayaan khusus untuk wanita yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP amat baik dan berharap usahawan wanita di negeri ini dapat merebut peluang untuk mendapatkan pembiayaan itu.

“Terima kasih kepada Ewon kerana sentiasa memberi dorongan kepada usahawan-usahawan wanita supaya lebih berjaya dalam perniagaan.

“Maklumat ini mungkin biasa bagi sesetengah orang tetapi bagi usahawan luar bandar terutamanya yang sering menghadapi masalah talian telekomunikasi, perkongsian seumpama ini amat penting,” katanya.

Shanim Epin, Pengerusi USHWANE cawangan Kota Belud mengalu-alukan penyertaan usahawan wanita khususnya di kawasan itu supaya menyertai persatuan itu.

“Melalui persatuan, ahli-ahli dapat mengikuti kursus kemahiran secara percuma, kami juga membantu usahawan yang inginkan pembiayaan dan juga dari segi pemasaran produk.

“Kita mahu semua usahawan wanita luar bandar mencapai kejayaan dalam perniagaan dan sama-sama menyumbang kepada ekonomi negara. Kita tidak mahu mereka setakat menjadi ‘jaguh kampung’ tetapi menjadi jaguh negara,” katanya.

## **WARGA EMAS MENGADU KEMBUNG, SAKIT PERUT MUNGKIN HIDAP KANSER**

PAKAR perubatan memberi peringatan warga emas berusia lebih 60 tahun yang mendapatkan rawatan di klinik bagi masalah sakit perut atau kembung, perlu diperiksa secara khusus untuk mengesan kemungkinan ia menghadapi kanser.

Berdasarkan kajian University College London, sekurang-kurangnya satu daripada gejala berkenaan adalah petanda risiko ditetapkan Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS) untuk menjalani ujian.

Lingkungan warga emas berusia 60 tahun ke atas mempunyai kira-kira 3.1 peratus risiko kemungkinan kanser, iaitu satu kes bagi setiap 32 pesakit, walaupun tanpa simptom lain.

Pada masa ini, pesakit hanya dirujuk jika mereka mempunyai satu lagi gejala serius serta masalah usus, menyebabkan risiko mereka meningkat kepada tiga peratus atau lebih tinggi.

Kumpulan penyelidik menganggap ujian darah dilakukan kepada pesakit dengan masalah di bahagian perut, sekali gus melambatkan diagnosis.

Jika semua keabnormalan daripada 19 ujian, mereka menganggarkan kadar kanser adalah 46 bagi setiap 1,000 pesakit dan bukannya 40 bagi setiap 1,000.

Pengarang kajian, Dr Meena Rafiq, berkata separuh daripada pesakit yang menghidap kanser tanpa dikesan akan berjumpa doktor terlebih dahulu dengan gejala samar, sekali gus sukar untuk didiagnosis.

Beliau berkata, ramai pesakit ini diperiksa melalui ujian darah bagi membantu mengenal pasti golongan siapa paling berisiko menghidap kanser dan harus diutamakan untuk rujukan seterusnya.

"Mungkin mencabar bagi doktor untuk mentafsir pelbagai data ujian darah bagi menilai risiko kanser," katanya.

Kajian dalam jurnal PLOS Medicine itu, menggunakan data daripada lebih 400,000 pesakit di klinik berusia lebih 30 tahun yang direkodkan di United Kingdom.

Mereka menerima rawatan di klinik antara 2007 hingga 2016 bagi masalah sakit perut atau kembung perut, dengan dua pertiga dihantar untuk ujian darah.

Secara purata sebanyak 2.2 peratus atau satu daripada 45 didiagnosis dengan kanser dalam tempoh setahun, dan kadarnya meningkat selari usia.

Ia mendapati bahawa keabnormalan dalam satu daripada 19 ujian darah, meningkatkan risiko diagnosis kanser sebanyak 16 peratus, tetapi ramai yang tidak diperiksa bagi tumor.

Dr Meena berkata, ia sekali gus menunjukkan peningkatan pengesanan kanser dengan ujian darah yang sudah tersedia.- Agensi

## SALAH TANGGAPAN TERHADAP PUSAT JAGAAN WARGA EMAS



Fatimah (tiga kanan) bersama tetamu ketika melakukan simbolik perasmian Pusat Penjagaan Warga Emas En Ling di Sibu hari ini.

"Ramai beranggapan pusat-pusat itu adalah satu pusat kebajikan melemparkan pandangan negatif anak-anak menghantar ibu bapa mereka ke sana adalah satu bentuk pengabaian."

Dato Sri Fatimah Abdullah  
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Oleh Watt Zacchaeus

SIBU: Kewujudan pusat penjagaan warga emas sedia ada bukanlah satu bentuk pengabaian.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pusat itu lebih kepada penjagaan rapi untuk anak-anak yang mahu ibu bapa mereka dijaga dengan baik dan sempurna.

"Ramai beranggapan pusat-pusat itu adalah satu pusat kebajikan melemparkan pandangan negatif anak-anak menghantar ibu bapa mereka ke sana adalah satu bentuk pengabaian.

"Sebenarnya tidak, anak-anak mahu yang terbaik untuk ibu bapa mereka dengan mengupah pusat sedemikian melalui kakitangannya untuk menjaga ibu bapa mereka dengan sempurna," katanya berucap merasmikan Pusat Penjagaan Warga Emas En Ling di Jalan Archer di sini hari ini.

Fatimah berkata, ramai anak-anak kurang mengetahui penjagaan ibu bapa khususnya berkaitan dengan pengambilan ubat, pemakanan, penjagaan kesihatan dan sebagainya.

Menurutnya, keadaan bertambah sukar apabila anak-anak sibuk dengan urusan kerja masing-masing.

"Oleh itu, kewujudan pusat penjagaan ini adalah situasi menang-menang antara anak-anak dan pusat penjagaan ini.

"Bila menghantar ibu bapa ke sini misalnya, anak-anak berasa selamat dan tidak memikirkan soal ibu bapa mereka dan boleh fokus terhadap kerja mereka.

"Selalunya pusat ini menawarkan penjagaan harian di mana anak-anak boleh mengambil ibu bapa mereka balik selepas habis bekerja," jelasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu berkata, pusat ini turut menawarkan pelbagai penjagaan yang boleh membantu warga emas ke arah kehidupan lebih sihat dan terjamin.

Beliau berpendapat, hak individu warga emas merangkumi bukan sahaja kebebasan dan integrasi masyarakat tetapi juga akses kepada penjagaan, ketenangan diri dan pemeliharaan maruah sepanjang perjalanan hidup mereka.

"Hak-hak ini merangkumi spektrum keperluan luas meliputi dimensi fizikal, sosial, emosi, psikologi, rekreasi, kewangan, alam sekitar dan rohani.

"Untuk memastikan maruah hidup sempurna untuk generasi warga emas, gabungan faktor harmoni seperti sokongan keluarga, keselamatan rumah, akses kepada perkhidmatan perubatan, kesejahteraan kognitif, mobiliti, kebersihan diri, penyediaan makanan dan ruang untuk interaksi sosial adalah penting.

"Oleh itu, penduduk yang semakin tua membawa pelbagai cabaran, menuntut keazaman kolektif kita memastikan kualiti hidup tinggi, kesejahteraan teguh, melanjutkan kehidupan berdikari dan perkhidmatan disesuaikan berkaitan dengan konteks Sarawak yang tersendiri," katanya.

Sementara itu, Fatimah memberitahu bahawa pembukaan Pusat Penjagaan Warga Emas En Ling adalah tepat pada masanya untuk memenuhi keperluan penjagaan harian warga emas khususnya di Sibul.

"Saya mengucapkan tahniah kepada pusat ini kerana menyediakan persekitaran selamat dan terjamin menghabiskan hari atau sebahagian daripada hari dengan aktiviti menyeronokkan dan pendidikan, senaman fizikal sesuai, interaksi sosial

bermakna boleh meningkatkan kesihatan mental dan fizikal serta membantu mencegah atau melambatkan penurunan kognitif," jelasnya.

Hadir sama ADUN Bukit Assek Joseph Chieng, Ahli Parlimen Sibu Oscar Ling, Setiausaha Politik Premier Sarawak Joshua Ting, Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) Clarence Ting, bekas ADUN Dudong Datuk Tiong Thai King, Pengerusi Pusat Penjagaan Warga Emas En Ling Ting serta tetamu lain.

## **OKU PERLU DIBERIKAN PELUANG SUMBANG SEKTOR EKONOMI NEGARA**

KOTA KINABALU: Sebuah Dewan Perniagaan, Perindustrian dan Pertanian Orang Kurang Upaya Malaysia akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi mewujudkan lebih banyak ruang kepada OKU untuk menyumbang kepada sektor ekonomi negara.

Ahli Dewan Negara, Senator Isaiah D. Jacob berkata inisiatif menubuhkan dewan itu telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) dua minggu lepas.

Katanya, idea penubuhan dewan itu timbul memandangkan golongan OKU di negara ini selalu terlepas peluang untuk terlibat dalam projek ekonomi sama ada perniagaan, perindustrian mahupun pertanian.

"Dengan tertubuhnya dewan khusus untuk golongan OKU, mereka tidak perlu lagi menunggu tawaran pekerjaan daripada majikan.

"Jika seseorang OKU membuka perniagaan, dia boleh pula mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang yang senasib dengan mereka," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, bagi OKU yang berminat dalam bidang perindustrian atau pertanian, mereka bukan saja boleh meningkatkan pengeluaran produk tetapi turut menyumbang dalam pengawalan harga barangan.

Menyentuh isu kebajikan OKU, Isaiah turut berharap agar pertubuhan OKU yang terlalu banyak di negara ini dihimpun di bawah satu payung berbentuk majlis yang menaungi tujuh kategori OKU.

"Misalnya kita boleh wujudkan Majlis Kebangsaan OKU Fizikal yang menggabungkan semua OKU fizikal ke dalam satu pertubuhan.

"Begitu juga enam kategori OKU yang lain iaitu Kurang Upaya Pendengaran, Penglihatan, Pertuturan, Pembelajaran, Mental dan Kurang Upaya Pelbagai. Tujuh kategori ini pula bergabung di bawah satu Majlis OKU Kebangsaan," katanya.

Terdahulu Pengerusi Program Eksplorasi Belia OKU @Langkawi, Suraya Saad berkata, program di Langkawi pada 2 hingga 5 Ogos itu akan disertai oleh 70 OKU daripada semua kategori.

“Mereka akan menyertai aktiviti lasak di pantai dan laut termasuk selam skuba dan keliling pulau. Selain itu, turut diberi peluang menjual produk kraf serta berinteraksi dengan masyarakat setempat,” katanya.

Program berkenaan dianjurkan oleh CMA Media dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Lembaga Pembangunan Langkawi.

## **ATLET OKU DIDAKWA ROGOL REMAJA BAWAH UMUR**

KUALA TERENGGANU: Seorang atlet Orang Kurang Upaya (OKU) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan merogol seorang remaja perempuan bawah umur, tahun lepas.

Ainur Haikal Danial Bahrudin, 24, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Atlet OKU negeri kategori penglihatan itu didakwa merogol mangsa yang ketika itu berumur 15 tahun di Taman Kemang Tiruk, Serada di sini pada 30 Sept 2023 mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Intan Nor Hilwani Mat Riffin menawarkan jaminan RM15,000 terhadap tertuduh namun peguam Najmi Adila Md Nasir daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) memohon jaminan rendah. Najmi Adila berkata anak guamnya menanggung bapanya yang bekerja sebagai pekerja pembersihan dengan pendapatan RM1,200 sebulan, manakala ibunya juga seorang OKU kategori lembam.

Hakim Mohd Zul Zakiqudin kemudian membenarkan jaminan RM7,000 selain mengarahkan tertuduh melapor diri ke balai polis terdekat setiap bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 2 Sept depan untuk sebutan semula kes dan keluarga tertuduh kemudian membayar jaminan tersebut.